
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HSM 116 – SEJARAH POLITIK MALAYSIA SEHINGGA AWAL
ABAD KE-20**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap bahagian A dan B

Bahagian A

1. "Meskipun hayatnya singkat, kemunculan Melaka telah memulakan suatu zaman baharu yang penting bukan sahaja kepada sejarah Malaysia bahkan sejarah Asia Tenggara." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa tempoh 1641 hingga 1699 merupakan tempoh kebangkitan kerajaan Johor?
3. Bincangkan mengapa Siam seringkali mendapat laluan mudah untuk mengenakan pengaruh terhadap negeri-negeri Melayu utara (rujuk kes Kedah dan Perlis).
4. "Imperialisme British menghakis sepenuhnya kuasa kesultanan Melayu di sepanjang Selat Melaka."

Dengan meninjau perkembangan yang berlaku di negeri-negeri Melayu sejak pengambilan Singapura oleh British pada tahun 1819, sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?

Bahagian B

5. Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan kerajaan Brunei mulai kurun ke-18.
6. Sejauh manakah dasar pecah dan perintah diamalkan dalam pemerintahan Brooke di Sarawak sehingga 1941.
7. "Perluasan pengaruh Barat di Sabah bukanlah berpunca daripada kekacauan dalaman tetapi didorong oleh kegiatan perdagangan bebas." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?